

BARANG KEMAS TIRUAN

Penerimaan kepada masyarakat muda

ROSHADIZA BT. MAT SOK

91208978

Tesis ini dikemukakan kepada Kajian Seni Lukis & Seni Reka Institut Teknologi Mara sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma Seni Lukis & Seni Reka.

1. Diperiksa oleh .....tarikh.....
2. Diperiksa oleh .....tarikh.....
- Diluluskan oleh.....tarikh.....

Dekan

Kajia Senilukis & Seni Reka

Institut Teknologi Mara

40450 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan.

| Isi Kandungan                                                                                                                                                                       | Helaian                                     |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------|
| 1. Sekalung Budi                                                                                                                                                                    | 1                                           |
| 2. Prakata                                                                                                                                                                          | 3                                           |
| 3. Bab 1<br>Pengenalan                                                                                                                                                              | ( 7-10 )<br>7                               |
| 4. Bab 2<br>i) Sejarah : Perhiasan diri<br>pada zaman purba<br>ii) Warisan<br>iii) Pengaruh India & China<br>iv) Teknologi pembuatan barang<br>kemas tradisional<br>v) Bahan mentah | ( 11-24 )<br><br>11<br>14<br>17<br>20<br>22 |
| 5. Bab 3<br>i) Barang kemas tiruan : Bahan<br>ii) Fesyen<br>iii) Penerimaan masyarakat<br>iv) Golongan sasaran<br>v) Masa depan                                                     | ( 25-46 )<br>25<br>29<br>33<br>38<br>42     |
| 6. Bab 4<br>i) Remaja naikkan barang<br>kemas tiruan<br>ii) Taraf ekonomi<br>iii) Kesan kepada barang asli<br>iv) Kesan kewujudan barang kemas<br>tiruan kepada masyarakat          | ( 47-62 )<br><br>47<br>52<br>55<br>58       |
| 7. Bab 5<br>i) Penutup                                                                                                                                                              | ( 63-66 )<br>63                             |
| 8. Rujukan / Bibliografi                                                                                                                                                            | 67                                          |
| 9. Penghargaan                                                                                                                                                                      | 68                                          |

SEKALUNG BUDI.

Assalamualaikum w.b.t.

Syukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya maka dapat saya menyiapkan Tesis yang bertajuk 'BARANG KEMAS TIRUAN': Penerimaannya kepada Masyarakat Muda.

Untuk itu saya merakamkan jutaan terima kasih buat penasihat saya iaitu Encik Jeffry Azha Saidin yang banyak memberi pandangan dan tunjuk ajar yang bernas. Tanpa tunjuk ajarnya saya pasti tidak akan dapat menghasilkan sebuah buku seperti yang ada sekarang.

Tidak lupa buat para pensyarah lain dan rakan-rakan seperjuangan di 'department fine metal' ini. Komen dan teguran samada secara langsung ataupun tidak sedikit sebanyak telah memperbaiki dan memberi ide baru untuk saya terus menulis.

Buat keluarga tersayang; Kalian adalah sumber inspirasiku untuk terus maju dibidang pelajaran. Zet, Nani, Hawa, Nita dan Ida; aku sahut cabaran kalian.

Akhir kata, terima kasih semua dan semoga ide yang lebih canggih akan terus dihasilkan di KSSR.

## PRAKATA

Tesis yang bertajuk 'BARANG KEMAS TIRUAN': Penerimaannya kepada masyarakat muda ini menyingkap berbagai aspek untuk pengetahuan semua samada secara langsung ataupun tidak langsung.

Tesis ini memaparkan kesan yang didapati kewujudan barang kemas tiruan. Ia di kaji dari aspek populariti barang kemas tersebut, meneliti bahan yang sering dijadikan barangan untuk perhiasan diri, pengaruh yang disukat dari segi fesyen , harga ataupun aspek keselamatan dan kesannya kepada pekedai barangan asli.

Oleh kerana bahan rujukan yang terperinci tentang barang kemas tiruan ini tidak banyak jadi banyak maklumat yang saya perolehi ini didapati daripada wawancara samada dikalangan penjual ataupun pengguna sendiri. Setelah pelbagai penilaian di buat maka dapatlah dinyatakan isu kewujudan barang kemas tiruan ini hasil dari kekreativian para pereka barangkemas tanahair.

## BAB 1.

### PENGENALAN

Wanita dan barang kemas dapat diibaratkan seperti belangkas. Ia tidak dapat dipisahkan umpama irama dan lagu. Jika dipisahkan maka akan pincanglah ia. Kerana ujudnya barang kemas itu adalah khas untuk kaum wanita dalam menghiasi diri untuk merebut hati lelaki yang memandang.

Penonjolan imej individu amat bergantung kepada apa yang di pakainya. Segi fizikalnya kita akan buat tanggapan yang pelbagai apabila melihat keadaan diri seseorang yang belum di kenali. Faktor yang mula diperkata adalah muka, baju dan seterusnya perhiasan yang dipakainya pada waktu tersebut. Malah kita juga boleh klasifikasikan seseorang itu kepada golongan tertentu samada elit, sederhana ataupun rendah.

Dari sini dapat kita katakan bahawa penonjolan individu itu bergantung kepada pakaian luar-nya dan juga personalitinya. Penulisan ini dibuat adalah untuk menyingkap sejarah mana barang perhiasan wanita yang diperifikkan kepada barang kemas tiruan atau 'imitation Jewellery' mempengaruhi fesyen masyarakat muda hari ini.